

Bajet 2017 memperkasa ekonomi negara – Najib

KUALA LUMPUR 17 Okt. - Bajet 2017 yang bakal dibentangkan kerajaan Jumaat ini akan terus memacu serta memperkasakan ekonomi Malaysia demi kesejahteraan seluruh lapisan rakyat secara inklusif dan saksama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, olahan serta perancangan terhadap Bajet 2017 dibuat secara teliti dengan mengambil kira kesiapsiagaan negara berdepan tempias ekonomi global yang tidak menentu.

Katanya, walaupun kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menghalang pergolakan geopolitik global, sentimen ekonomi antarabangsa atau harga komoditi asas, namun beberapa langkah terbaik sedang dilakukan dalam negara.

“Dalam suasana global tidak menentu ini, meskipun kita tidak boleh kawal aspek luaran tetapi kerajaan secara berterusan mengambil langkah proaktif untuk menangani impak hasil kejutan kewangan dan ekonomi global.

“Sebab itulah ekonomi kita tetap bertahan teguh, masih memacu pertumbuhan yang memberangsangkan melalui pengukuhan struktur ekonomi, kewangan serta permintaan dalaman,” katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan lisan **Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong)** yang meminta kerajaan menyatakan keadaan semasa ekonomi Malaysia dan bagaimana langkah-langkah untuk memperbaikinya.

Menurut Najib, penurunan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini (4.1 peratus bagi separuh pertama 2016) berbanding tahun lalu adalah kerana momentum pertumbuhan ekonomi dunia yang agak lembap.

Keadaan itu kata beliau, menyebabkan eksport Malaysia berkurangan, selain harga komoditi seperti minyak, gas, kelapa sawit dan mineral turut menurun serta diburukkan lagi dengan perkembangan Brexit di Eropah.